



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- |   |   |    |
|---|---|----|
| - | Program Masprithon untuk kutip dana bai pulih sekolah | 29 |
|---|---|----|




MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA  
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR  
12 NOVEMBER 2019 (SELASA)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Program Masprithon untuk kutip dana bai pulih sekolah
Muka Surat	29

**Program Masprithon untuk kutip dana baik pulih sekolah**

SH m/s 29 12/11/19



**SHAH ALAM** - Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bersama-sama pengurusan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 19 melaksanakan program Masyarakat Prihatin Fundraising (Masprithon) bagi mengumpul sumbangan dana untuk membaik pulih beberapa infrastruktur di sekolah itu.

Setiausaha program, Wan Fadzilah Wan Abdul Rahman berkata, jumlah kos keseluruhan untuk proses baik pulih itu dijangka menelan belanja sehingga RM150,000 secara keseluruhan.

Melalui program tersebut, pelajar sekolah telah diberikan satu kad bagi permohonan sumbangan dana berkenaan menerusi kutipan dari pada ibu bapa serta waris masing-masing.

"Bersempena penutupan program, pihak kami turut mengajukan karnival pada 23 November untuk penyampaian hadiah dan menambah dana sumbangan tersebut," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Menurutnya, kerosakan infrastruktur itu perlu dibaik pulih segera berikutan dibimbangi mengundang risiko bahaya kepada pelajar terbabit.

Orang ramai juga boleh membantu memberi sumbangan menerusi akaun PIBG SMK Section 19 (Maybank: 012213307152) dan menyerahkan resit pembayaran kepada ahli jawatankuasa (AJK) terlibat di talian 012-3756745 (Cikgu Shahina) atau 019-2626138 (Cikgu Wan Fadzilah).

**Kutipan dana itu bagi membaik pulih beberapa kerosakan infrastruktur di SMK Seksyen 19.**